

## Pendekatan Tarbiyyah (Pendidikan) Menerusi Nas-Nas Al-Quran Berkenaan Sunnah Jatuh Bangun Tamadun Manusia : Suatu Analisis

Mansor Sulaiman

*Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Lebuh raya Tun Razak, 26300 Kuantan, Pahang, MALAYSIA.*

### Article Information

Received 18 Dis 2015  
Received in revised form  
18 Oct 2016  
Accepted 1 Dec 2016

### Abstrak

Tulisan ini merupakan kupasan berkenaan salah satu daripada Sunnah Allah SWT yang dijelaskan al-Quran iaitu sunnah jatuh bangun tamadun manusia. Tujuan tulisan ini adalah untuk menghuraikan secara terperinci salah satu daripada pengajaran yang boleh dipetik daripada nas-nas berkenaan Sunnah Allah ini. Iaitu nas-nas ini mengajar manusia berkenaan pendekatan al-Quran dalam mendidik manusia. Oleh itu, tulisan ini akan mengeluarkan beberapa pendekatan pendidikan yang boleh dipetik daripada nas-nas yang berkenaan di samping diperkuatkan dengan nas-nas lain yang menyokongnya. Di akhir tulisan ini dikemukakan keunikan pendekatan ini dalam mendidik manusia serta keperluan pengaplikasiannya dalam realiti semasa.

© Penerbit Universiti Malaysia Pahang

*Kata kunci: Sunnah Allah, jatuh bangun tamadun, al-Quran, akhlak*

### Abstract

*This writing is the analysis of one of Allah's Sunnah explained by al-Quran, which is the Sunnah of rise and fall of human civilization. The purpose of this writing is to analyse in detail one of the lessons that can be cited from verses of al-Quran that related to Allah's Sunnah. Among others, the verses teach human on al-Quran approaches in educating them. Therefore, this writing will produce several educational approaches that can be cited from relevant verses besides bolstered with other supporting ones. At the end of it, the uniqueness of this approach will be presented in the sense of educating human and the need of applying it in the current realities.*

*Keywords: Sunnatullah, rise and fall of human civilization, al-Quran, manner*

### PENDAHULUAN

Aspek tarbiyyah atau pendidikan merupakan antara perkara terpenting di dalam ajaran Islam. Perkara ini boleh dilihat menerusi kandungan hukum-hakam di dalam al-Quran itu sendiri antara lainnya adalah hukum berkaitan penyucian jiwa yang dinamakan sebagai hukum akhlak. Antara fokus hukum ini adalah kewajiban para *mukallaf* melatih dan menghiiasi diri dengan akhlak yang baik dan menjauhi daripada akhlak buruk. Malahan, seluruh sistem Islam itu sendiri adalah ibarat mekanisme pendidikan berdasarkan matlamat akhirnya untuk melahirkan akhlak mulia<sup>1</sup>. Justeru,

---

<sup>1</sup> Dasar pensyariatan hukum dalam Islam meletakkan kesempurnaan akhlak sebagai sandarannya yang paling utama. (Audah, 1992)

tulisan ini akan menganalisis dan mengupas persoalan berkaitan kaedah-kaedah pendidikan ini menerusi salah satu daripada tema yang boleh ditemui di dalam al-Quran iaitu sunnah jatuh dan bangun tamadun.

## SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Tulisan ini berusaha mendapatkan beberapa pendekatan pendidikan yang boleh dipetik menerusi nas-nas al-Quran berkenaan sunnah jatuh dan bangun tamadun. Pendekatan pendidikan di sini adalah merujuk kepada pendekatan pendidikan yang memfokus kepada pembinaan akhlak sepertimana dituntut Islam. Sehubungan itu, tulisan ini akan mendapatkan data-data yang berkenaan terlebih dahulu iaitu antaranya nas-nas al-Quran berkenaan sunnah jatuh dan bangun tamadun, pandangan para ulama berkenaan tafsiran nas-nas tersebut serta tulisan-tulisan pakar berkenaan pendidikan dalam Islam. Seterusnya data-data ini dianalisis mengikut objektif yang telah digariskan. Daripada analisis ini akan dikemukakan pendekatan-pendekatan pendidikan yang boleh dikeluarkan daripada nas-nas tersebut. Di akhir tulisan ini, suatu rumusan akan dikemukakan dan diikuti dengan kesimpulan.

## KONSEP SUNNAH JATUH BANGUN TAMADUN<sup>2</sup>

Secara umumnya, *sunnah* dari sudut bahasa bermaksud *الطريقة المسلوكة* (jalan<sup>3</sup> yang dilalui) dan *jama'nya* ialah *sunan* (al-Shaukani, 1992). Menurut Ibnu Manzur (1968), asal perkataan *sunnah* adalah daripada beberapa makna antaranya ialah *الطريقة المحمودة المستقيمة* (jalan / cara atau gaya lurus yang terpuji). Al-Qurtubi (1987) memberikan contoh untuk makna di atas seperti berikut iaitu sekiranya seseorang berkata "فلان على السنة" (seseorang berada di atas sunnah) bermaksud seseorang itu berada di atas jalan yang betul, tidak menyeleweng dengan mengikut hawa nafsu. Manakala perkataan *sunnah* yang disandarkan kepada Allah (*sunnah Allah*) pula dijelaskan oleh Ibnu Manzur sebagai perkataan yang membawa maksud hukum, suruhan dan tegahan Allah. Sebagai contoh, firman Allah:

سُنَّةَ اللَّهِ فِي الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلُ وَلَنْ تَجِدَ لِسُنَّةِ اللَّهِ تَبْدِيلًا

Maksudnya:

*“Demikianlah Sunnah Allah (hukum Allah) terhadap mereka yang telah lalu sebelum ini dan sekali-kali kamu tidak akan mendapat penggantian bagi Sunnah Allah”.*

(Al-Quran, Al-Ahzab : 62)

<sup>2</sup> Tamadun di sini adalah merujuk kepada perkataan *al-Haḍārah* dalam Bahasa Arab. Menurut Ibnu Manzūr (1968), ia berasal daripada perkataan *al-Haḍar* dan *al-Haḍīrah* yang bermakna suatu yang berlawanan dengan *al-Bādīyah* (kehidupan yang terpisah daripada pembangunan), iaitu bermaksud bandar-bandar dan kota-kota. Ia dinamakan sebegini disebabkan penduduknya mendatangi sesuatu penempatan dan kemudiannya menjadi penempatan tetap mereka. °Abūd (1981) pula menyatakan bahawa perkataan *al-Haḍārah* bukan sekadar menggambarkan maksud ketinggian dari sudut material sahaja tetapi merangkumi ketinggian dari sudut tingkah laku, akhlak, ilmu, seni, perundangan dan sebagainya.

<sup>3</sup> Jalan yang dimaksudkan ini adalah bermaksud *uslub* (kaedah atau pendekatan) atau *maslak* (cara atau gaya). Sebagai contohnya perkataan *torīqah* (طريقة) ini digunakan dalam bahasa Arab untuk menjelaskan kaedah pengajaran (طرق التدريس), aliran sufi (الطرق الصوفية) dan sebagainya. (Mu'jam al-Asasi: 792)

Nas di atas bermaksud Allah swt telah menjatuhkan hukuman sedemikian terhadap mereka yang bersikap munafik dan golongan yang menyokong mereka dengan hukuman berbentuk bunuh walau di mana mereka berada. Selain itu, ia juga boleh didefinisikan sebagai peraturan Allah swt berdasarkan maksud umum sunnah sebagai الطريقة seperti mana dijelaskan di atas. Ayat-ayat Al-Quran yang menggunakan perkataan sunnah Allah secara umumnya memberi maksud yang menjurus kepada makna peraturan yang bersifat tetap terhadap sekalian makhluk<sup>4</sup>.

Perkataan sunnah ini juga menggambarkan ia sebagai sesuatu yang berterusan serta berulang dan pernah berlaku sebelum ini seperti mana dinyatakan ‘Abd al-Khaliq(1993) ketika membahaskan maksud sunnah dengan menyatakan bahawa perkataan الطريقة memberi maksud *al-istimrar* (berterusan) dan *al-tikrar* (berulang). Sunnah ini akan terus berlaku sekiranya diulangi perkara-perkara yang membawa kepada kejadian yang pernah berlaku tersebut. Seperti mana seseorang melalui jalan yang sama menuju ke suatu destinasi, maka ia akan menemui pemandangan dan cabaran yang sama setiap kali melalui jalan tersebut. Maksud sunnah seperti ini boleh didapati dalam kebanyakan tafsir ayat-ayat berkaitan sunnah yang disandarkan kepada golongan tertentu.

Berdasarkan keterangan di atas, *sunnah* ini secara umumnya bermaksud peraturan, undang-undang atau sistem yang ditentukan Allah terhadap kelompok atau masyarakat manusia. Sekiranya kehidupan masyarakat manusia di dalam sesebuah tamadun tersebut menepati dan selari dengan manhaj, peraturan dan sistem yang ditentukanNya maka ia akan berkembang dan terpelihara. Jika sebaliknya maka tamadun tersebut akan menjurus ke arah kehancuran seperti mana telah berlaku terhadap tamadun-tamadun silam. Berikut dikemukakan dua nas yang menjelaskan perjalanan sunnah ini:

#### I. Nas berkenaan sunnah kejatuhan tamadun

Al-Quran menjelaskan kisah kehancuran kerajaan silam yang berlaku disebabkan kefasikan yang dilakukan golongan *mutrafur*<sup>5</sup>. Ia menunjukkan kehancuran akan dikenakan kepada golongan tersebut serta sesiapa yang redha dengan mereka. Firman Allah:

وَإِذَا أَرَدْنَا أَنْ نُهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا فَفَسَقُوا فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقَوْلُ فَدَمَّرْنَاَهَا تَدْمِيرًا ﴿١٦﴾ وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ  
الْقُرُونِ مِنْ بَعْدِ نُوحٍ وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ بِذُنُوبِ عِبَادِهِ خَبِيرًا بَصِيرًا ﴿١٧﴾

Maksudnya:

*“Dan jika Kami hendak membinasakan sesuatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya mentaati Allah) tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri itu, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya. Dan berapa banyak kaum sesudah Nuh telah Kami binasakan. Dan cukuplah Tuhanmu maha mengetahui lagi maha melihat dosa hamba-hambanya”*

(Al-Quran, Al-Isra’: 16-17)

<sup>4</sup> Sunnah Allah ditakrifkan sebagai peraturan Allah boleh dilihat melalui pelbagai tafsiran terhadap ayat-ayat yang berkenaan. Antaranya rujuk tafsiran Ibnu Kathir terhadap ayat 26, surah al Nisa’ (Ibnu Kathir, 1991).

<sup>5</sup> *Mutrafun* diuraikan oleh Sayyid Qutb sebagai golongan pembesar yang hidup dalam kemewahan sehingga melampaui batasan dengan melakukan amalan-amalan fasiq seterusnya melakukan kerosakan di mukabumi. (al-Şallābī, 1998).

## I. Nas berkenaan *sunnah* kebangunan tamadun

Al-Quran mengemukakan situasi yang bertentangan dengan situasi pertama di atas menerusi penjelasan sebab-sebab kejayaan sesebuah tamadun. Firman Allah:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ  
وَلَكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya:

*“Jika sekiranya penduduk-penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi...”*

(al-Quran, al-A’raf: 96)

Kedua-dua situasi di atas menjelaskan dua bentuk realiti yang membawa kepada dua implikasi berbeza. Realiti pertama sepertimana keterangan ayat pertama di atas merupakan penjelasan sebab yang membawa kehancuran manakala realiti kedua sepertimana keterangan ayat kedua, merupakan sebab yang membawa kepada kejayaan. Secara umumnya kedua-dua realiti ini merupakan *sunnah* atau peraturan Allah dalam penentuan jatuh atau banggunya sesebuah tamadun atau masyarakat.

## KONSEP PENDIDIKAN DALAM ISLAM

Pendidikan yang disebut dalam Bahasa Arab sebagai *Tarbiyah* (تربية) dari sudut bahasa berasal daripada perkataan *rabba* (ربى) yang bermaksud menumbuh, mengembang, menambah kekuatan jasad, akal dan jasad. (*Mu’jam al-Wasit*, 1960) Ia juga diertikan sebagai *al-Tanmiyah* (التنمية) yang bermaksud proses menumbuh, mengembang dan menambah. (Abud & Abd al-Aal, 1990). Menurut Shawwāt (1992), hasil akhir atau kemuncak pendidikan dalam Islam adalah pencapaian akhlak baik. Ia disebabkan tujuannya adalah untuk melahirkan insan soleh yang beriman kepada Allah dan mentaatinya selari dengan firman Allah dalam ayat 56, Surah *al-Zariyat*. Maksud seperti ini juga dapat dipetik menerusi perbincangan berkenaan pendidikan dan matlamatnya yang secara umumnya mengaitkan kelahiran akhlak menerusi proses pendidikan. Perkara yang sama telah disentuh oleh ramai sarjana, sehinggalah terdapat pandangan menyatakan bahawa ahli falsafah Islam telah berijma’ bahawa pendidikan akhlak adalah roh kepada pendidikan Islam. Iaitu matlamat utama dan asasi pendidikan Islam adalah memperelokkan akhlak dan mendidik roh (Abrāshi, 1961).

## PENDEKATAN PENDIDIKAN DARIPADA NAS-NAS BERKENAAN SUNNAH JATUH BANGUN TAMADUN

Pendekatan pendidikan menerusi nas-nas berkenaan *sunnah* jatuh dan bangun tamadun ini merujuk kepada peranannya dalam mendidik dan membangunkan jiwa manusia sehingga peringkat menghayati akhlak sepertimana dikehendaki al-Quran. Perkara ini boleh dilihat menerusi ulasan para sarjana berkenaan nas-nas ini, antaranya Zaidan (1994) menyatakan bahawa mengkaji dan memahami nas-nas ini adalah sebahagian daripada kewajiban agama kerana ia menunjukkan

manusia tingkah laku yang benar dalam kehidupan. Dengannya manusia terselamat daripada kesalahan, kesesatan, tertipu dengan diri sendiri dan angan-angan kosong, di samping selamat daripada melakukan perkara yang ditegah Allah dan berjaya mencapai janji kejayaan yang dijanjikan Allah kepada hambanya yang beriman dan bertaqwa.

Secara umumnya peranan nas-nas ini adalah menjurus ke arah melengkapkan matlamat umum al-Quran iaitu membawa manusia kepada menterjemahkan pengetahuan kepada kekuatan yang menggerakkan mereka dalam alam realiti. Ia bermaksud, al-Quran membawa manusia mengubah tingkah laku mereka menepati kehendak al-Quran dalam seluruh kehidupan sehingga dapat kembali kepada Allah, manhaj serta kehidupan yang dikehendakinya (Naḥlāwī, 2000). Antara pendekatan pendidikan daripada nas-nas ini yang boleh dikeluarkan adalah seperti berikut:

## I. PEMBENTUKAN PEMIKIRAN BENAR

Nas-nas ini antara lainnya membawa manusia kepada usaha berfikir, meneliti dan mengkaji *sunnah Allah*. Apabila al-Quran menjelaskan tentang *sunnah* ini, ia turut disertakan penjelasan berbentuk hujah dan bukti yang boleh didapati oleh manusia menerusi akal mereka. Antaranya adalah menerusi penjelasan kisah-kisah sejarah umat silam yang masih boleh dilihat kesan-kesan tinggalannya serta masih terbuka untuk dikaji (Naḥlāwī, 2000). Contoh nas yang berkenaan antaranya adalah ayat 137, Surah Ali Imran. Firman Allah:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ

Maksudnya:

*“Sesungguhnya telah berlalu sebelum kamu sunnah-sunnah Allah; kerana itu berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikanlah bagaimana akibat orang-orang yang mendustakan (rasul-rasul)”*

(Al-Quran, Ali Imran : 137)

Nas di atas secara umumnya menuntut supaya sunnah ini diteliti dan dikaji menerusi saranan memerhati kesan-kesan tinggalan umat silam yang banyak terdapat di mukabumi ini (Naḥlāwī, 2000). Penggunaan perkataan **فانظروا** dalam ayat di atas serta pendedahan nas-nas lain berkenaan kehancuran kota-kota silam disebabkan kezaliman golongan terdahulu menggambarkan penekanan *ibrah* melalui gesaan berfikir. Perkataan *ibrah* ini menurut al-Khalidi (1996) adalah istilah yang menggambarkan pembaca seolah-olah berjalan (*ubur*) melalui kisah-kisah silam yang telah berlalu dengan memutuskan ikatan zaman dan tempat yang mengikat mereka daripada sampai kepadanya. Ia juga seolah-olah membebaskan diri seseorang daripada penjara realiti semasa serta meninggalkan pandangan sempit yang hanya melihat kepada keadaan semasa kepada pandangan lebih luas meliputi sejarah mereka terdahulu seterusnya menghayati, meneliti dan mengambil pengajaran daripadanya. Menerusi konsep *ibrah* ini maka perkataan **فانظروا** ini bukan sekadar memberikan makna melihat dengan pengertian yang terbatas, tetapi memberikan maksud yang lebih luas daripada itu sehingga meliputi penglihatan yang disertai dengan pertanyaan seperti mengapa?, bagaimana?, ke mana? dan siapa?. Dalam erti kata lain, ia bermaksud gesaan melihat yang diiringi dengan tindakan berfikir, seterusnya diikuti dengan usaha untuk mengkaji dan menyelidik bagi mendapatkan hakikat perkara yang disuruh untuk dilihat itu (Mohd. Sulaiman,

1985). Selain itu, terdapat juga nas yang menggesa manusia mencari maklumat berkenaan sejarah umat yang telah melalui *sunnah* ini menerusi suruhan mendengar seperti sebutan (أفلا يسمعون)<sup>6</sup>.

Perkara di atas menunjukkan *sunnah* mengajar 'konsep berfikir' yang sepatutnya iaitu sesuatu pemikiran perlu mempunyai asas dan bukti (Najati, 1993). Menurut al-Jundi (1984), ini adalah merupakan pemikiran yang disarankan Islam, iaitu pemikiran yang didirikan atas asas hakikat-hakikat *akliyah* yang terhasil menerusi realiti yang disaksikan atau realiti yang tidak dapat disangkal oleh pemikiran. Beliau seterusnya mengemukakan nas yang menjelaskan matlamat 'berjalan di muka bumi' serta *wasilah-wasilah* yang boleh digunakan untuk mencapai matlamat tersebut iaitu pancaindera dan akal. Ayat tersebut adalah firman Allah:

أَقْلَمُ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ  
وَلَكِنْ تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ

Maksudnya:

*"Maka apakah mereka tidak berjalan di muka bumi, lalu mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka dapat memahami atau mempunyai telinga yang dengan itu mereka dapat mendengar? Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta ialah hati yang di dalam dada."*

(Al-Quran, Al-Hajj : 46)

Keterangan di atas menunjukkan bahawa nas-nas ini membawa manusia berfikir dengan betul dan bersifat *ilmiyah* berasaskan bukti yang menyentuh pelbagai unsur dalam diri manusia meliputi akal, perasaan dan fitrah. Pemikiran seperti ini seterusnya menolak kepada lahirnya akhlak baik selari dengan kehendak Allah. Dari segi logiknya, pemikiran yang benar ini membantu seseorang untuk memutuskan keputusan yang baik dalam penentuan hala tuju kehidupan dan cara hidup yang betul berbanding sekiranya beliau salah dalam pemikiran sepertimana ditunjukkan Allah dalam nas di atas.

Perkara di atas diperkukuhkan menerusi keterangan al-Quran yang menjelaskan kehancuran tamadun disebabkan akhlak-akhlak buruk yang bertitik-tolak daripada manusia yang salah dalam pemikiran mereka. Antaranya al-Quran menunjukkan faktor berpegang kepada sangkaan serta taqlid buta terhadap pegangan salah generasi terdahulu merupakan antara titik-tolak penolakan terhadap ajaran yang dibawa oleh para rasul dan seterusnya membawa kepada kehancuran tamadun-tamadun terdahulu seperti kaum Ad<sup>7</sup>, Thamud<sup>8</sup>, kaum Nabi Ibrahim<sup>9</sup>, kaum Nabi Syuaib<sup>10</sup> dan kaum Firaun<sup>11</sup>. Al-Khatib (2004) dalam ulasannya berkenaan masalah taqlid ini menyatakan bahawa al-Quran menunjukkan bahawa taqlid ini bukan sekadar dalam lingkungan kekufuran terhadap Allah semata-mata tetapi menjangkau kepada perbuatan melakukan perkara-perkara buruk sepertimana disebutkan Allah dalam al-Quran<sup>12</sup>. Berdasarkan perkara ini, beliau menyatakan bahawa pegangan yang rosak menghasilkan perbuatan yang rosak. Di samping itu, al-

<sup>6</sup> Al-Quran, Surah al-Sajadah, ayat 26.

<sup>7</sup> al-Quran, Surah al A'raf, ayat 70.

<sup>8</sup> Al-Quran, Surah Hud, ayat 61-62.

<sup>9</sup> al-Quran, Surah al Anbiya', ayat 52-53.

<sup>10</sup> al-Quran, Surah Hud, ayat 87.

<sup>11</sup> al-Quran, Surah Yunus, ayat 78.

<sup>12</sup> Antaranya, ayat 28, Surah al-A'raf.

Quran juga menjelaskan kerosakan hasil daripada pemikiran yang menolak bukti-bukti kebenaran yang telah diketahui dengan mengistilahnannya sebagai *jubud*. Antara lain al-Quran menjelaskan beberapa pendirian salah yang lahir daripada penyakit *jubud* ini antaranya kafir<sup>13</sup>, zalim<sup>14</sup> dan khianat beserta tidak bersyukur (الختار الكفور)<sup>15</sup>. Manakala penyebab kepada *jubud* ini sepertimana yang dijelaskan al-Quran dalam nas-nas berkenaan pendirian kaum Ad dan Firaun antaranya ialah *takabbur*<sup>16</sup>, rasa hebat<sup>17</sup>, meninggi diri serta zalim<sup>18</sup> dan mengikut golongan yang salah<sup>19</sup>.

## II. MENGHUBUNGAN PEMIKIRAN DENGAN AKIDAH<sup>20</sup>

Nas-nas ini bukan sekadar membawa manusia untuk menggunakan akal dan pemikiran dengan berfikir, meneliti dan mengkaji dalil-dalil dan bukti yang dibentangkan Allah secara ringkas sahaja tetapi ia membawa kepada pemikiran yang mendalam sehingga kepada peringkat penyelarasan akal dan pemikiran itu dengan akidah. Sebagai contohnya, nas-nas berkenaan membawa manusia melihat dan mengakui kehebatan kekuasaan Allah seterusnya meng*ithbat* ketuhananNya serta menafikan sebarang sifat kelemahan padaNya. Antaranya adalah kisah kaum Nabi Lut yang mana al-Quran mengakhiri kisah ini dengan ayat 74-76, Surah al Hijr seperti berikut:

فَجَعَلْنَا عَلَيْهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ حِجَارَةً مِنْ سِجِّيلٍ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّمُتَوَسِّمِينَ وَإِنَّهَا لَبِسَبِيلٍ مُّقِيمٍ

Maksudnya:

*“Maka Kami jadikan bahagian atas kota itu terbalik ke bawah dan Kami hujani mereka dengan batu dari tanah yang keras. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang memperhatikan tanda-tanda. Dan sesungguhnya kota itu benar-benar terletak di jalan yang masih tetap (dilalui manusia)”*

(Al-Quran, Al-Hijr : 74-76)

Ibnu Kathir (1991) menyatakan bahawa ayat di atas menjelaskan bahawa tanda-tanda kekuasaan Allah yang ditunjukkan menerusi kisah di atas mampu diketahui oleh mereka yang mengkaji dan meneliti peristiwa tersebut. Beliau turut menyatakan bahawa kota yang dihancurkan itu dijelaskan secara terperinci kepada manusia untuk diteliti menerusi kenyataan (وانها لبسبيل مقيم). Ia merupakan kota Sadum yang telah bertukar menjadi sebuah tasik besar dan kekal boleh dilihat sehingga hari ini. Dalam ayat 137-138, Surah al-Soffat pula, Allah mengulangi berkenaan kedudukan tempat tinggalan ini beserta dengan gesaan agar memikirkannya (Abud & Abd al-Aal, 1990). Menerusi nas ini, al-Quran mencabar manusia menggunakan daya akal dengan melihat bukti-bukti hakikat kebenaran akidah yang dipaparkan menerusi kisah tersebut. Ini adalah disebabkan kisah-kisah yang dikemukakan al-Quran bukanlah semata-mata untuk meng*ithbatkan* sejarah tetapi lebih kepada tujuan meng*ithbatkan* persoalan aqidah. Tambahan pula manusia telah dijadikan dalam keadaan mempunyai keupayaan akal yang mampu untuk menerima akidah yang benar dan seterusnya

<sup>13</sup> Al-Quran, Surah al Ankabut, ayat 47.

<sup>14</sup> Al-Quran, Surah al Ankabut, ayat 48-49

<sup>15</sup> Al-Quran, Surah Luqman, ayat 32.

<sup>16</sup> Al-Quran, Surah al Ahqaf, ayat 26.

<sup>17</sup> Al-Quran, Surah Fussilat, ayat 9-15.

<sup>18</sup> Al-Quran, Surah al Naml, ayat 12-14.

<sup>19</sup> Al-Quran, Surah Hud, ayat 59.

<sup>20</sup> Akidah menurut Sulaiman Yasin (1985) adalah kepercayaan atau keimanan kepada hakikat-hakikat dan nilai-nilai mutlak, yang tetap dan kekal, yang pasti dan hakiki lagi *qudus* dan suci seperti yang diwajibkan Islam; iaitu kepercayaan yang tersimpul dengan kukuh dan teguh dalam jiwa sehingga tidak mungkin akan terurai atau tertutup walau oleh apa-apa jua suasana dan keadaan.

menjadikannya sebagai asas dalam pembinaan akhlak. Dalam hal ini, akal sekiranya waras, siuman, jujur dan benar-benar bertanggungjawab dapat memahami, mempersepsi dan membuktikan kebenaran akidah walaupun tidak dapat sampai kepada menggambarkannya dengan setepat-tepatnya (Mohd. Sulaiman, 1985). Oleh itu, tindakan manusia menyahut seruan dan cabaran menggunakan akal seperti di atas dapat membawa pemikiran mereka melihat bukti-bukti tersebut sehingga mencecah kepada menjawab persoalan-persoalan berkaitan aqidah. Ia bertepatan dengan kelebihan yang diberikan Allah kepada manusia iaitu mereka secara fitrah akan cenderung kepada kekuatan tertinggi yang bersifat *rububiyah*<sup>21</sup> di samping akal mereka juga tidak akan melihat sesuatu ciptaan dan sistem melainkan ia akan mempersoalkan berkenaan siapakah yang menciptanya dan menyusunnya (al-Jundi, 1984). Seterusnya dengan terbentuknya aqidah ini ia secara tidak langsung menggerakkan seseorang kepada tindakan-tindakan yang selari dengan tuntutan akidah. Ini adalah disebabkan amal merupakan aspek pelaksanaan kepada aqidah itu sendiri. Aqidah yang merupakan unsur dalaman akan kekal terperjara dalam hati selagi mana ia tidak diterjemahkan dalam bentuk amal dan perlakuan dalam medan praktikal (Sab<sup>c</sup>, 1998).

### III. MENGERAKKAN PEMIKIRAN SEHINGGA PERINGKAT *IQNA'*

Secara umumnya al-Quran menjelaskan persoalan *sunnah* ini secara berkali-kali dan dalam pelbagai bentuk bagi menunjukkan kepentingannya yang besar kepada manusia. Al-Khatib (2004) menyatakan kepelbagaian bentuk dan *uslub* yang diketengahkan al-Quran dalam menjelaskan *sunnah* ini adalah untuk mengukuhkan pemikiran dan perasaan manusia terhadapnya sehingga dapat menjalani kehidupan menepati sunnah yang sepatutnya. Iaitu dengan menelusuri jalan hidayah, kemenangan dan kekuatan serta menjauhi jalan kesesatan, kelemahan dan kekalahan. Menurut al-Jundi (1984), *sunnah Allah* terhadap masyarakat manusia itu sendiri adalah antara *uslub* yang dikemukakan untuk mendatangkan rasa *iqna'* iaitu keyakinan yang menghadirkan rasa redha yang tidak dapat diganggu-gugat sehingga melahirkan tindakan selari dengan apa yang diredha dan diterima tersebut secara rela dan bukan paksaan.

Berhubung perkara di atas, Naḥlāwī (2000) menyatakan bahawa manusia secara adatnya akan cenderung kepada *suluk* yang diredhainya berdasarkan rasa *qana'ab* daripada pemikiran, naluri dan perasaannya. Manakala Haishūr (1997) pula mengaitkan kepentingan rasa *iqna'* dalam pembentukan akhlak menerusi kenyataannya bahawa *iqna'* sebagai asas kepada tingkah laku yang lahir menerusi hati yang penuh redha dan taat berbanding peraturan yang kebiasaannya berasaskan paksaan dan tekanan. Kepentingannya terserlah menerusi perjalanan sejarah yang menunjukkan bahawa setiap tamadun bangkit menerusi ikatan akhlak dan bukan ikatan peraturan. Bahkan akhlak lebih ampuh dalam memberi kesan kepada jiwa manusia berbanding peraturan.

Kenyataan-kenyataan di atas menunjukkan bahawa sunnah Allah yang dikemukakan al-Quran sedemikian rupa serta mampu memberikan rasa *iqna'* kepada mereka yang menelitinya ini bukan sekadar ilmu untuk disematkan dalam lingkungan akal dan pemikiran bersifat luaran sahaja tetapi ia membawa sehingga kepada pemikiran yang mendalam iaitu *ta'akul*, seterusnya membina aspek *iradah* dalam diri manusia. Menerusi pendekatan seperti ini, ia secara tidak langsung menjurus ke arah pembentukan akhlak, iaitu tindakan dan perbuatan spontan yang lahir daripada jiwa hasil tolakan daripada apa yang ada dalam jiwa itu sendiri. Dalam ertikata yang lain, ia melahirkan akhlak

---

<sup>21</sup> Muhammad Khalil Harasy (1987) menyatakan persoalan *Tauhid Rububiyah* iaitu mengesakan ketunggalan Allah dalam perkara-perkara bersifat *rububiyah* seperti Allah sebagai pencipta, pemberi rezeki, pentadbir alam dan sebagainya adalah merupakan fitrah manusia yang hampir-hampir tidak disanggah oleh manusia termasuk golongan musyrik. Beliau juga ada membahaskan bagaimana aqidah penganut ajaran syirik seperti Kristian, majusi dan sebagainya hakikatnya berpegang kepada pegangan ini.



yang bertitik-tolak daripada aqidah itu sendiri. Ini disebabkan, pendekatan di atas selari dengan pendekatan pembinaan aqidah yang tidak cukup sekadar berlegar dalam lingkungan akal sahaja tetapi perlu diikuti dengan unsur *iradah* yang bermakna kemahuan dengan penuh kerelaan hati untuk menerima dan tunduk patuh kepada hakikat-hakikat keimanan yang telah diakui oleh akal atau diketahui dengan sedar akan kebenarannya. Sekiranya seseorang menerima dengan akal tetapi tiada kerelaan maka ia tidak dikira sebagai iman yang sah (Mohd. Sulaiman, 1985).

#### IV. MENGHUBUNGKAN NAS DENGAN REALITI KEHIDUPAN MANUSIA

Sunnah Allah yang dipaparkan al-Quran merupakan suatu yang bersifat '*jariah*' (berterusan) dan bukan terhenti setakat peristiwa-peristiwa atau keterangan-keterangan yang tercatat di dalam al-Quran sahaja. Dalam erti kata lain, apa yang dipaparkan oleh nas ini adalah selari dengan realiti yang dilalui manusia. Perkara ini boleh dilihat menerusi nas-nas ini yang menjadikan perjalanan hidup sebenar masyarakat dan tamadun manusia silam sebagai bukti dan hujah kepada perjalanan sunnah ini. Malahan teori-teori perkembangan tamadun yang dikemukakan oleh beberapa sarjana beberapa kurun selepas tamatnya penurunan al-Quran memperkukuhkan kenyataan ini. Ini disebabkan teori-teori yang dibangunkan oleh tokoh-tokoh ini adalah merujuk kepada perjalanan sejarah manusia yang kebanyakannya merupakan sejarah selepas tamatnya penurunan al-Quran. Menerusi sejarah ini mereka mengemukakan teori yang selari dengan nas-nas al-Quran berkenaan sunnah jatuh dan bangun tamadun.

Antara tokoh-tokoh sarjana yang berkenaan ialah Ibn Khaldun, Arnold Toynbee dan Malik Bin Nabi. Sebagai contohnya, Arnold Toynbee berpandangan bahawa kejatuhan tamadun adalah beriringan dengan kerosakan dalam diri manusia yang terserlah dalam tingkah laku dan perlakuan mereka sehingga mengambil tempat segala sifat baik yang pernah menjadi faktor penolak kepada kebangkitan tamadun pada zaman sebelumnya. Pada peringkat ini kejahatan menguasai segala perkara dalam kehidupan masyarakat bertamadun tersebut (Abud, 1981). Malik Bin Nabi pula dalam pandangan beliau tentang peringkat-peringkat yang dilalui sesebuah tamadun menjelaskan bahawa pada peringkat tertentu timbul beberapa petanda negatif dalam masyarakat dan lahir beberapa penyelewengan akidah. Pada peringkat ini dapat dilihat kelahiran elemen-elemen negatif dalam masyarakat seperti kezaliman, sifat individualistik dan sebagainya. Seterusnya diikuti dengan peringkat perpecahan jiwa dan penguasaan nafsu syahwat. Ia merupakan peringkat kejatuhan dan kehancuran tamadun. Pada ketika itu tiada faktor yang menjurus ke arah pembangunan tamadun. (Haishūr, 1997). Perkara yang sama boleh ditemui dalam teori Ibnu Khaldun (1978: 61-70) yang menjadikan penyakit *al-Tarf*<sup>22</sup> sebagai punca kepada kehancuran tamadun. Kesimpulannya kesemua teori yang kebanyakannya berasaskan kajian terhadap sejarah yang berlaku selepas penurunan al-Quran mengemukakan dapatan yang selari dengan apa yang dijelaskan dalam nas-nas al-Quran berkenaan sunnah ini.

#### RUMUSAN

Penjelasan di atas menunjukkan nas-nas berkenaan sunnah ini berperanan sebagai elemen pendidikan kepada manusia menerusi panduan ilmu. Ia didatangkan dalam bentuk ilmu atau panduan yang memandu manusia untuk mengetahui, memilih, memutuskan dan seterusnya menghayati akhlak-akhlak yang sepatutnya. Ilmu dan panduan ini ditujukan kepada kelebihan paling asas yang telah diberikan Allah kepada manusia sehingga menjadikan mereka berkelayakan sebagai *kehalifah* di muka bumi berbanding makhluk lain, iaitu daya pemikiran atau akal.

---

<sup>22</sup> Menurut Majid (1978), secara umumnya al-Tarf ini boleh didefinisikan sebagai kemewahan.

Kelebihan akal yang menjadi punca kepada taklif ini menjadikan manusia berkemampuan untuk mengikhtiarkan perbuatan dan bebas melakukan sesuatu atau meninggalkannya. Secara umumnya, setiap tindakan atau gerak perlakuan manusia adalah bertitik-tolak daripada daya fikiran dengan segala ciri-cirinya (Mohd. Sulaiman,1985). Perkara yang sama disebutkan oleh pengkaji-pengkaji seperti ʿAbīd Taufiq al-Hāshimī (1982), Rojā (1994) dan al-Khātīb (2004). Dalam hal ini, al-Khātīb (2004) menerusi analisisnya terhadap beberapa tafsiran para ulama seperti al-Rāzī, al-Zamakhsharī, al-Qurṭūbī, al-Ṭabarī dan al-Shaukānī<sup>23</sup> berkenaan maksud perubahan daripada jiwa yang disentuh dalam Surah al-Raʿdu, ayat 11 dan Surah al-Anfāl, ayat 52 dan 53 merumuskan bahawa para *mufassir* ini berkecenderungan menghubungkan pemikiran dengan tingkah laku iaitu mereka berpandangan bahawa pemikiran adalah merupakan punca kepada tingkah laku manusia.

Justeru, terdapat tafsiran maksud amanah dalam ayat 72, Surah al-Ahzāb sebagai akal yang merupakan asas kepada *taklif*. Ia memberi maksud bahawa kemuliaan manusia akan tercapai menerusi pemeliharaan amanah ini iaitu dengan menggunakannya mengikut cara yang sepatutnya manakala pengabaianya pula akan menyebabkan manusia menurun ke tahap yang paling rendah dan hina (Mohd. Sulaiman, 1985). Sehubungan dengan itu, nas-nas ini membawa manusia kepada pembangunan akhlak yang sebenar iaitu berasaskan kepada akidah dan keimanan. Ia merupakan perkara yang menghubungkan manusia dengan penciptanya dan bukan sekadar berakhlak atas tuntutan keperluan keduniaan semata-mata. Sebarang akhlak yang tinggi pada pandangan manusia sekiranya tidak berasaskan kepada asas ini tidak mampu menjamin kelangsungan sesebuah tamadun. Contoh-contoh yang dipaparkan menerusi nas-nas berkenaan tamadun-tamadun hebat silam menunjukkan bagaimana amal yang terpisah daripada asas di atas hanya mengundang kepada kerosakan dan kejatuhan.

Kesimpulannya, nas-nas berkenaan sunnah ini mengemukakan pendekatan pembinaan akhlak menerusi kaedah menggempur dan menggerakkan pemikiran manusia kepada akidah dan keimanan seterusnya menggerakkan mereka ke arah menghayati akhlak yang selari dengan tuntutan akidah dan keimanan itu sendiri. Dalam erti kata lain, ia sebagai proses menggerakkan jiwa dengan panduan Allah meliputi pelbagai cara dan pendekatan sehingga melahirkan akhlak yang sepatutnya. Tindakan yang lari daripada kaedah yang diutarakan Allah ini tidak berupaya melahirkan akhlak sebenar yang dapat memberi impak positif kepada pembangunan masyarakat dan tamadun manusia.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya *sunnah Allah* menunjukkan kepada manusia pendekatan pendidikan yang dikemukakan Allah kepada manusia. Pendekatan-pendekatan yang dikemukakan ini menunjukkan bahawa pembentukan akhlak bukan suatu yang berlaku secara spontan tetapi ia mempunyai peraturan tertentu yang perlu dipatuhi iaitu peraturan berdasarkan kanun sebab-musabab. Kesemua pendekatan pendidikan akhlak di sebalik *sunnah* ini adalah merupakan sebab-sebab yang dibentangkan Allah sebagai panduan kepada manusia. Sekiranya sebab-sebab ini tidak dilaksanakan oleh manusia maka musabab iaitu akhlak atau kesan yang sepatutnya tidak akan lahir.

---

<sup>23</sup> Maksud perubahan daripada jiwa manusia menurut para mufassir ini antaranya adalah perubahan keadaan [al-Zamakhsharī, 1995], perubahan kepada maksiat dan kerosakan (al-Rāzī, 2000), perubahan daripada dalam diri kepada perkara dosa (al-Qurṭūbī, 1987), perubahan dengan berlaku kezaliman antara sesama sendiri (al-Ṭabarī, t.th), melakukan perkara bertentangan fitrah ( al-Shaukānī, 1995).

## RUJUKAN

- Abrāshi, Muḥammad °Atiyyah al- (1961), *al-Tarbiyyah Fī al-Islām*, Dalam Dirāsat Fī al-Islām, Bil. 2., 3 Mac 1961 / 15 Ramaḍān 1380h, Qāhirah: al-Majlis al-A°la Li al-Syu°un al-Islāmiyyah Bi Wizārah al-Awqāf.
- al-Qurṭūbī, Abū °Abdullah Ibn Mūhammad Ahmad al-Anṣārī, (1987). *al-Jami° Li Ahkām al-Qurān*, Mesir: al-Hai°ah al-Maṣriyyah al-°Ammah Li al-Kitāb.
- °Abd al-Khāliq, °Abd al-Ghanī (1993), *Ḥujjiyyah al-Sunnah*, c. 2, Mansūrah: Dār al-Wafā°.
- °Abīd, Aḥmad et al. (t.th), *Mu°jam al-Asāsī*, al-Munazzamah al-°Arabiyyah Li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-°Ulūm.
- °Abūd, °Abd. Ghanī & °Abd al-°Al, Ḥassan Ibrāhīm (1990), *al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa Tahaddiyat al-Mu°āṣir*, c.1, Qāhirah: Dār al-Fikri al-°Arabī.
- °Abūd., °Abd al-Ghanī (1981) *al-Ḥaḍārah al-Islāmiyyah wa al-Ḥaḍārah al-Mu°aṣīrah: Silsilah al-Islām Fī Tahaddiyat al-°Aṣri*, kitāb ke 12, c. 1, t.tpt.: Dār al-Fikri al-°Arabī.
- °Alī Muḥammad Muḥammad al-°Šallābī (1998), *Fiqh al-Tamkīn °Inda Daulah al-Murābiṭīn*, °Ammān: Dār al-Bayariq Li al-Nashr.
- °Arabī, Rojā °Abd al-Ḥamīd (1994), *al-Kaun wa al-Arḍ wa al-Insān fī al-Qurān*, c. 1, Beirut: Dār al-Khair.
- °Audah, °Abd al-Qādir (1992) *al-Tashrī° al-Jinā°ī al-Islāmī Muqāranan bī al-Qānūn al-Waḍ°ī*, j. 1, Beirut: Mu°assasah al-Risālah.
- Ḥafnāwī, Muḥammad Ibrāhīm al- (t.th), *Dirāsat Fī al-Qurān al-Karīm*, Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Haishūr, Muḥammad (1997), *Sunan al-Qurān Fī Qiyām al-Ḥaḍārat wa Suqūṭihā*, c. 1. Mansūrah: Dār al-Wafā°.
- Harash, Muḥammad Khalīl (1987), *Da°wah al-Tauhīd, Uṣūluḥā, al-Adwār allatī Marrat bihā, Mashāhīr Du°āṭihā*, c. 1, Qāhirah: Maktabah Ibn Taimiyah.
- Ibn Kathīr, al-Ḥāfiẓ °Imād al-Dīn Abī al-Fidā° Ismā°īl (1991), *Mukhtaṣar Tafsi° Ibn Kathīr*, Muḥammad °Alī al-°Šabūnī (taḥqīq), j.1, Qāhirah: Dar al-°Šabūnī.
- Ibn Khaldūn, °Abd al-Raḥmān Muḥammad (1978), *al-Mukhtār Min al-Turāth al-°Arabī: Min Muqaddimah Ibnī Khaldūn: al-Siyāsah wa al-Iqtisād*, Suhail °Uthman & Muḥammad Darwīsh (Taḥqīq), Damshik: Manshūrat Wizārat al-Thaqāfah wā al-Irshād al-Qaumī, Damshik.
- Ibn Manzūr, al-°Allāmah Abū al-Faṣli Jamāl al-Dīn Mūhammad Ibn Mukarram (1968) *Lisān al-°Arab*. J. 4, Beirut: Dār Beirut.
- Jundī, °Abd al-Ḥalim al- (1984), *al-Qurān wa manhāj al-°Ilmi al-Mu°āṣir*, Qāhirah: Dār al-Ma°ārif.
- Khālidī, Ṣālah °Abd al-Fattāḥ al- (1996), *Ma°a Qaṣaṣ al-Sābiqīn Fī al-Qurān. (Min Kunūz al-Qurān 5)*, j. 1, c. 2, Damshik: Dār al-Qalam.
- Khātīb, al-Shaikh Ṣāliḥ Aḥmad al- (2004), *al-Sunan al-Ilāhiyyah Fī al-Ḥayāh al-Insāniyyah wa Atharu al-°Imān Bihā Fī al-°Aqīdah wa-al-Sulūk*, °Ammān, Jordan, al-Dār al-°Uthmāniyyah.
- Kirkpatrick, D.L. (1998), *Evaluating Training Programs: The Four Level*, 2<sup>nd</sup> ed., San Francisco: Berrett-Koehler Publishers, inc.
- Mohd. Sulaiman Hj Yasin. *Islam Dan Aqidah (satu pengantar)*. Al Omari Sdn. Bhd. Selangor. Cet. 2. 1985.
- Mu°jam al-Wasī*, (1960), j. 1, Qāhirah: Majma° al-Lughah al-°Arābiyyah.
- Nahlāwī, °Abd al-Raḥmān al- (2000), *al-Tarbiyyah bi al-°Āyat: Min Asālīb al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*.
- Najāṭī, Muḥammad °Uthmān (1983), *Al-Qurān wa °Ilmu al-Nafs*, c. 5, Qāhirah: Dār al-Shurūq.

- Rāzi, al-Imām Fakhru al-Dīn al- (1990). *al-Taḥfīḥ al-Kabīr au Maḥāṣin al-Ghaib*. C. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Robert D. N (1992), *Tiga Pemikiran Psikologi, Mahmood Nazar Mohamed* (Terj.), c. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 75.
- Sabʿ, Taufiq Muḥammad (1998), *Qiyam Ḥadārāh fī al-Qurān al-Karīm- ʿĀlam Ṣanaʿahu al-Qurān*, Qāhirah: Dār al-Manār.
- Shaukānī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Mūḥammad Ibn ʿAlī Ibn Muḥammad al-, (1992) *Irshād al-Fuḥul Ilā Taḥqīq al-Ḥaq Min ʿIlmi al-ʿUṣūl*, Qāhirah: Dār al-Kutubi.
- Shawwāt, Yaʿakūb Ḥussain (1992), *al-Manḥāj al-Tarbāwī Min Manzūr Islamī*, c. 1, t.tp.: Dār al-Furqān.
- Ṭabarī, Ibn Jaʿfar Muḥammad Ibn Jarīr al- (t.th) *Tafsīr al-Ṭabarī: Jāmiʿ al-Bayān ʿAn Taʿwīl Āyi al-Qurān*, j. 16, Qāhirah: Dār al-Maʿārif Bi Misr.
- Zaidān, ʿAbd al-Karīm, (1994), *al-Sunan al-Ilāhiyyah Fī al-Umam wa al-Jamāʿat wa al-Afrād Fī al-Sharīʿah al-Islāmiyyah*, c. 3, Beirut: Muʿassasah al-Risālah.
- Zamakhsharī, Abū al-Qāsim Jār Allah Maḥmūd Ibn ʿUmar Ibn Muḥammad al- (1995) *al-Kashshāf ʿAn Haqāʾiq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ʿUyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Taʿwīl*, c. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.